



STATISTIK KERATAN AKHBAR FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	<u>ACADEMICS MUST KEEP ABREAST OF TEACHING METHODS</u>	NEWS STRAITS TIMES PAGE 15	11/02/2023	KPT
2	<u>ELAK SYIRIK DALAM PERAYAAN AGAMA</u>	SINAR AHAD MS 33	12/02/2023	AGAMA
3	<u>APA NASIB 100,000 GRADUAN</u>	UTUSAN MALAYSIA MS02	13/02/2023	KPT
4	<u>PENJAWAT AWAM EDAR DADAH DITAHAN</u>	UTUSAN MALAYSIA MS11	13/02/2023	SEMASA
5	<u>KPT TELITI PINDA AUKU</u>	UTUSAN MALAYSIA MS10	13/02/2023	KPT
6	<u>MEDIA SOSIAL PENTING DALAM PEMBELAJARAN</u>	UTUSAN MALAYSIA MS19	13/02/2023	KPT
7	<u>UITM DIDIK PELAJAR BERHEMAD BERI PANDANGAN</u>	BERITA HARAN MS 03	13/02/2023	KPT
8	<u>ISU MONOPOLI MELAYU DALAM PERKHIDMATAN AWAM</u>	BERITA HARAN MS 18	13/02/2023	SEMASA
9	<u>PELIHARA PEGANGAN AKIDAH MOHON HANYA PADA ALLAH</u>	HARIAN METRO MS 15	13/02/2023	AGAMA
10	<u>LAHIR MAHASISWA KALIS REMPUHAN GLOBALISASI</u>	UTUSAN MALAYSIA MS 19	19/02/2023	KPT
11	<u>BERI KEFAHAMAN JELAS WACANA KETUHANAN</u>	HARIAN METRO MS 15	14/02/2023	AGAMA
12	<u>RADIO MAMPU JADI MEDIUM SEBAR ANTIRASUAH</u>	SINAR HARIAN MS 25	17/02/2023	PPD
13	<u>5 FORMULA PULIHKAN KEPERCAYAAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA</u>	BERITA HARIAN MS 11	25/02/2023	KPT
14	<u>PELAJAR INDUSTRI WAJIB DIBAYAR ELAUN SETIMPAL, INSURANS</u>	BERITA HARIAN MS 11	25/02/2023	KPT
15	<u>SEKTOR PENDIDIKAN TERUS TERIMA DANA TERTINGGI</u>	BERITA HARIAN MS 07	25/02/2023	KPT
16	<u>50 SYARIKAT AMBIL ALIH OPERASI INSTITUSI TVET</u>	BERITA HARIAN MS 07	25/02/2023	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 16

KERATAN AKHBAR

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TITLE: ACADEMICS MUST KEEP ABREAST OF TEACHING METHODS

SOURCE: NEW STRaits TIMES PAGE : 15

DATE : 11/02/2023

21ST CENTURY EDUCATION

NST

PAGE 15 11/2/2023

ACADEMICS MUST KEEP ABREAST OF TEACHING METHODS

THE upcoming review of the National Higher Education Policy by the Higher Education Ministry is timely to steer the national conversation towards improving teaching.

Two out of the three medical schools in Singapore now use Team-Based Learning (TBL) as their pre-clinical pedagogic approach. I have met only a few TBL advocates here, but we attest to its positive impact on our students.

I have conducted introductory TBL workshops at university level but the take-up was low. Problem-based learning (PBL), which reached us in 1980, has been described as the most significant educational innovation of the last 50 years.

It arose because knowledge taught by lecturing was poorly retained beyond the exam.

With knowledge increasing exponentially and available through hand-held devices, the most important skill our students need now is how to resolve problems by active and collaborative learning.

My recent count of PBL problems used in major public preclinical med-

ical programmes ranges from about 20 to 60, showing PBL is often implemented not as an innovative curricular philosophy, but added on top of the lectures it is supposed to replace.

Our undergraduate medical programmes are accredited by the Malaysian Qualifications Agency (MQA), where the current standards include the shift from traditional teacher-centred to student-centred active learning.

While the accreditors do give warnings about excessive lectures, it is not the ambit of MQA to teach our academics how to run a PBL curriculum.

The ministry's 2018 guidelines titled "Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talents" included Future Ready Curriculum, with its 21st-century Learning and Teaching delivery that advocates learning without lectures.

The delivery of Malaysian Higher Education Programmes (MyHE) is to be transformed from 1.0 (teacher as source of knowledge) to 4.0 where learners are to be curators, creators and constructivists, consistent with TBL and PBL.

However, this is not happening on the ground as many university classrooms are still in MyHE 1.0 mode. Transforming to MyHE 4.0 will require a dismantling of the current academic culture, where staff are called "lecturers" and the university calendar calls teaching *perkuliahan* or lecturing session.

The staff appraisal ecosystem must no longer reward the giving of lectures. The Higher Education Leadership Academy (Akept) should train pedagogy experts in each university to act as consultants during curriculum development and review.

The few isolated pedagogic advocates in different universities should unite under national professional societies which the ministry can fund to train academic staff for MyHE 4.0.

These will help position Malaysia as an education hub that uses cutting-edge pedagogies to produce human capital for 21st-century challenges.

ASSOCIATE PROFESSOR DR WILLIAM LIM

Universiti Malaysia Sarawak,
Kota Samarahan, Sarawak

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ELAK SYIRIK DALAM PERAYAAN AGAMA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 33

TARIKH : 12/02/2023

SINAR AHAD | 12 FEBRUARI 2023

AY KOMENTAR | 33

Elak syirik dalam perayaan agama



USUL

ZAINUL RIJAL ABU BAKAR

Negeri Johor dilaporkan telah mengeluarkan fatwa melarang umat Islam daripada menyertai ritual agama bukan Islam semasa perayaan mereka. Ada yang mengkritik fatwa tersebut tetapi baginda Tuanku Sultan Johor pantas menegaskan sokongan baginda kepada fatwa tersebut.

Sesuatu ritual pasti mempunyai signifikan dan falsafahnya yang tersendiri. Apabila ritual itu berkait dengan agama, sudah tentulah kehendak agama berkenaan menjadi keutamaan atau objektif ritual tersebut. Ritual agama lain lazimnya membawa kesyirikan kepada ALLAH SWT kerana mereka tidak mempercayai keesaan ALLAH.

Ita berbeza dengan upacara yang hanya dikaitkan dengan kaum atau budaya kerana tidak menyentuh aspek ketuhanan. Upacara berlandaskan kaum masih boleh diikuti oleh orang Islam

seperti sambutan Tahun Baharu Cina. Bagi umat Islam dosa mensyirikkan ALLAH SWT sangatlah besar dan mesti dijauhi. Ini adalah perintah ALLAH yang jelas.

Amat jelik jika ada yang masih mengatakan tidak kurang iman seseorang itu kepada ALLAH jika menyertai ritual agama bukan Islam yang membawa kepada syirik. Hal ini adalah disebabkan perintah ALLAH itu sendiri dilanggar. Bagaimanakah keimanan seseorang itu jika mengingkari perintah ALLAH.

Kita boleh bertaubat kepada ALLAH SWT atas dosa yang kita lakukan dan memohon diampunkan dosa-dosa kita itu. Namun jika dosa itu adalah dosa besar yang dibuat berulang kali pula bagaimanakah mahu kita mensanitasi dosa-dosa besar tersebut?

Dalam masa yang sama kita mengetahui Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama.

Dalam konteks ini Islam tidak pernah menghalang orang bukan Islam dari merayakan perayaan agama mereka.

Perayaan agama mereka dilakukan mengikut kepercayaan mereka dan umat Islam tidak boleh menghalang mereka.

Umat Islam hanya dilarang dari melakukan ritual agama bukan Islam sahaja kerana ia mungkin akan membawa

makna tertentu sehingga mensyirikkan ALLAH SWT.

Oleh itu wajarlah fatwa yang dieluarkan Negeri Johor tersebut. Ia bukan bertujuan menghina atau menepak agama lain tetapi hanya mengawal umat Islam daripada terjerumus ke dalam kesyirikan. Fatwa Johor ini perlu diikuti negeri-negeri lain supaya ia dapat diseragamkan.

Ketika Rasulullah sampai di Madinah, penduduk Madinah merayakan dua hari raya di mana mereka bermain (berseronok) pada hari tersebut seperti mana kebiasaan semua kaum, setiap umat itu bagi mereka hari raya mereka tersendiri. Bagi orang Arab Madinah ketika zaman jahiliah terdapat dua hari yang mana mereka bergembira pada hari tersebut.

Apabila Nabi SAW melihat mereka menyambut dua hari tersebut) Nabi bertanya: "Hari apakah dua hari ini?" Mereka menjawab: "Adalah kami di zaman jahiliah bermain (berseronok) dalam dua hari ini."

Nabi SAW menjawab: "Sesungguhnya ALLAH telah mengantikan bagi kamu semua dengan hari yang lebih baik dari dua hari tersebut iaitu hari raya al-Adha dan hari raya al-Fitr." (Hadis ini diriwayatkan oleh Abu

Daud dan al-Nasaie dari Anas Bin Malik.)

Di dalam hadis ini jelas menunjukkan dua hari raya di zaman jahiliah yang disambut oleh penduduk Madinah di peringkat awal itu tidak diiktiraf oleh Nabi, walau untuk membiarkan mereka bermain pada dua hari tersebut se-pertimana adat kebiasaan yang mereka lakukan sebelum itu.

Daripada Surah al-Kafirun ayat 1-6 pula dengan tegas kita tahu yang bermaksud: "Katakanlah (Muhammad) wahai orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak menyembah apa yang aku sembah. Dan aku tidak beribadat sebagaimana kamu beribadat. Dan kamu tidak beribadat sebagaimana yang aku beribadat. Dan bagi kamu agama kamu, dan bagi kami agama kami."

Oleh itu jelaslah fatwa berkenaan hanya untuk menjaga aqidah umat Islam bukan untuk mempersendakan agama bukan Islam. Mereka berhak menganuti dan mengamalkan agama mereka, bagi umat Islam pula janganlah terjerumus ke dalam kesyirikan.

* Datuk Zainul Rijal Abu Bakar ialah Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PENJAWAT AWAM EDAR DADAH DITAHAN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 11

TARIKH : 13/02/2023

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 13 FEBRUARI 2023

11

Dalam Negeri

Penjawat awam edar dadah ditahan

JOHOR BAHRU: Seorang penjawat awam dan pasangan suami isteri antara ahli sindiket dadah yang diberkas dalam sembilan serbuan di tiga daerah melibatkan rampasan dadah lebih RM1 juta pada 8 Februari lalu.

Pemangku Ketua Polis Johor, Deputi Komisioner M. Kumar berkata, serbuan secara serentak oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor bermula pukul 12 tengah hari pada Rabu lalu hingga 2 pagi Khamsi di Johor Bahru, Kota Tinggi dan Mersing.

"Menerusi operasi khas tersebut, enam lelaki tempatan berusia antara 19 hingga 34 tahun termasuk seorang penjawat awam berusia 33 tahun ditahan. Selain itu, tiga wanita tempatan berusia 24 sehingga 27 tahun turut ditahan.

"Hasil semakan rekod men-

dapati empat suspek mempunyai rekod lampau berkaitan dadah dan jenayah," katanya dalam sidang akhbar di IPK Johor, di sini semalam.

Menurutnya, dalam operasi berkenaan pihak polis merampas pelbagai jenis dadah, antaranya 21 peket syabu seberat 24.69 kilogram (kg) bernilai RM888,912, 10 peket heroin seberat 3.56kg bernilai RM47,717 dan 337 gram (g) ketamin bernilai RM50,550.

Turut dirampas 2,540 biji pil Eramin 5 seberat 787.58g bernilai RM59,058, 1.20 liter air ketum (RM30) dan 70 bungkus mengandungi mercun bola.

Jumlah keseluruhan rampasan dadah berjumlah RM1,046,277 dan semua bahan terlarang yang dirampas itu boleh digunakan seramai 145,490 penagih.

Selain itu, pihak polis turut

menyita enam kereta dengan nilai sitaan RM582,000, empat motosikal (RM57,000), pelbagai barang kemas (RM11,856) dan wang tunai RM2,710 dengan jumlah keseluruhan sitaan RM653,566.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan dadah dan sitaan bagi operasi berkenaan ialah RM1,699,843.

Katanya, modus operandi pengedaran dadah itu menjadikan kawasan rumah berpagar dan berpengawal yang disewa selain menggunakan kereta ahli keluarga untuk menjalankan jenayah tersebut.

Semua suspek merupakan kenalan dan pihaknya sedang mengesan saki-baki anggota sindiket tersebut yang dipercayai masih bebas termasuk menyiasat dalang, katanya sambil memaklumkan semua suspek kini direman selama tujuh hari hingga 14 Februari ini.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT TELITI PINDA AUKU

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 10

TARIKH : 13/02/2023

10

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 13 FEBRUARI 2023

Dalam Negeri

Dedahkan pelajar kepada lebih banyak peranan, amanah

KPT teliti pinda AUKU

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan meneliti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 sebelum melakukan sebarang pindaan terhadap akta itu terutama yang membabitkan soal pemeriksaan mahasiswa.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah itu diambil selepas pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) diberi kebebasan sepenuhnya untuk bersuara termasuk mengkritik Perdana Menteri dan kerajaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, kementerian itu ketika ini sememangnya dalam usaha menjayakan pemeriksaan mahasiswa.

Justeru, katanya, selain daripada memastikan mahasiswa mendapat pendidikan terbaik melalui pendedahan dan penyuasaan ilmu, mereka juga perlu dide dahkan dengan soal



“
Oleh itu, kalau adaun AUKU dipinda, ia utuk menepati memenuhi perkara yang diperatakan awal tadi iaitu soal pemeriksaan mahasiswa
MOHAMED KALED NORDIN

bagaimana mahu membangunkan keperibadian karakter yang tepat.

“Jadi dalam konteks ini, memang kita sedang usahakan perkara yang boleh mencapai matlamat tersebut dengan mendedahkan pelajar kepada lebih banyak peranan dan amanah.

“Oleh itu, kalau ada pun

AUKU dipinda, untuk menepati memenuhi perkara yang diperatakan awal tadi iaitu soal pemeriksaan mahasiswa,” kata-

nya ketika dihubungi semalam. Kelmarin Plana Menteri, Datuk Seri war Ibrahim berkata, semua universiti dan IPT diarahkan memberi kebebasan bersuara pada pelajar kecuali jika ia membabitkan

sensitiviti kaum dan agama serta pandangan melampau yang boleh mengancam keharmonian negara.

Langkah itu katanya, supaya universiti dan IPT di negara ini dapat memberi ruang kepada pelajar untuk berfikiran kreatif dan berminda kritis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, pihaknya tidak menolak kepentingan pelajar ketika ini semakin mahu kebebasan seperti yang berlaku di negara membangun.

Katanya, ini kerana zaman sudah berubah dan sudah menjadi satu trend yang bukan sahaja berlaku di Malaysia..


“Kalau perlu buat apa-apa pindaan, maka buatlah sebab zaman sudah berubah.

“Tetapi kena faham, apa-apa premis pun tetap perlu mementingkan kecemerlangan akademik, bukan terlalu bergenjatan di universiti sampai mengetepikan kecemerlangan akademik,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 13 FEBRUARI 2023

19

Forum



PERANAN media sosial dapat membantu meningkatkan aktiviti pembelajaran terutama dalam kalangan pelajar.

Media sosial penting dalam pembelajaran

SAUDARA PENGARANG.

HAMPIR semua orang mempunyai sekurang kurangnya satu akaun media sosial. Media sosial ini memainkan peranan penting bagi masyarakat dan ia tidak terkecuali kepada golongan pelajar. Peristiwa pandemik Covid-19 telah meningkatkan pergantungan pelajar pada teknologi yang membuatkan platform e-pembelajaran terus meningkat terutama dalam media sosial.

Sebilangan besar masyarakat percaya bahawa media sosial merupakan satu bentuk gangguan besar kepada pelajar. Namun, rangkaian platform tersebut mempunyai keupayaan untuk membantu pelajar dalam meningkatkan proses pembelajaran mereka.

Melalui platform digital itu, pelajar lebih mudah mengakses segala maklumat yang diperlukan hanya menggunakan internet dan peranti elektronik. Kewujudan media baharu mampu membantu pelajar mengakses pelbagai maklumat dalam aplikasi seperti, WhatsApp, Telegram, TikTok dan YouTube.

Selain itu, media sosial menjadi sumber tambahan bagi pelajar dalam pembelajaran. Pelajar boleh mendapatkan maklumat tambahan berkaitan subjek dan topik yang mereka pelajari dalam kuliah.

Seterusnya dapat berkongsi maklumat. Pelajar dapat berinteraksi dengan pelajar lain di media sosial dan berkongsi pengetahuan mereka dalam sesuatu subjek yang mereka pelajari. Mereka juga mampu belajar lebih banyak daripada orang yang berfikiran sama.

Media sosial juga membantu dalam proses penyelidikan. Pelajar dapat melaksanakan projek dan tugas yang diberikan. Hal ini dapat membantu pelajar mengumpul maklumat dan menghasilkan kandungan yang berguna dalam penyelidikan mereka.

Akhir sekali, platform itu dapat membantu dalam pembelajaran jarak jauh. Pelajar dapat menghadiri kuliah secara langsung dengan mengakses aplikasi seperti Skype, Zoom dan Google Meet. Mereka dapat mengikuti aktiviti pembelajaran dengan mudah walaupun jauh.

ATHIRAH UMAIRAH ABDUL JALIL
Universiti Sains Islam Malaysia

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UiTM DIDIK PELAJAR BERHEMAH BERI PANDANGAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 03

TARIKH : 13/02/2023

Nasional 3

UiTM didik pelajar berhemah beri pandangan

13/2/2023
muz
BH.

Kuala Lumpur: Universiti Teknologi MARA (UiTM) mahu penuntutnya dididik menyampaikan pandangan secara berhemah, beradab dan berfakta walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim terbuka menerima teguran dan kritikan mereka.

Naib Canselornya, Prof Dr Roziah Mohd Janor, berkata ketertuaan Perdana Menteri itu sesuatu yang patut dihormati dan diterima tetapi pelajar tetap perlu dibimbing untuk menyampaikan apa-apa pandangan secara bermuhyawarah.

"Biar kebebasan itu dilakukan dan disampaikan melalui saluran rasmi dengan fakta sudah ditentu sahkan, misalnya melalui *townhall* (dialog awam), saluran rasmi universiti dan kerajaan, bukan melalui media sosial tidak rasmi.

"Dalam pada itu, kita mahu yang menyuarakan pandangan seseorang yang *accountable* mesti lengkap nama, jawatan atau program yang diwakili, kita tidak mahu ia berbentuk seperti surat layang," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu mahasiswa dan pelajar di negara ini bebas menyuarakan pandangan termasuk memberi kritikan dan menegur kerajaan.

Beliau dilaporkan berkata, kebebasan bersuara itu bagi memastikan mahasiswa memiliki pemikiran kritis selain mewujudkan suasana universiti yang lebih segar.

Malah, Anwar menjelaskan, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek sudah dimaklumkan mengenai perkara itu supaya membuka ruang kepada pelajar dan kakitangan, memberi pandangan masing-masing secara terbuka.

Roziah berkata, UiTM sentiasa beri ruang dan kebebasan pelajar memberi pandangan, sekali gus sebagai latihan asas berfikiran kritis dan kreatif sama ada di dalam atau luar kampus.

Katanya, kebebasan bersuara itu sudah dimulakan di UiTM sejak ada kalangan penuntutnya dilantik sebagai ahli senat universiti pada 2019.

"Dua wakil pelajar dalam Senat, iaitu badan akademik tertinggi di UiTM, bertanggungjawab membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah Universiti itu diberi peluang bersuara, menyatakan pandangan dan saran berkaitan hal pelajar.

"Majlis Perwakilan Pelajar juga boleh beri pandangan, saya dengar dan mengambil tindakan selanjutnya," katanya.



Roziah Mohd Janor

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: ISU MONOPOLI MELAYU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 13/02/2023

Nasional

Isnin, 13 Februari 2023 BH

Isu monopoli Melayu dalam perkhidmatan awam

‘Semua berasaskan merit’



PPTD, CUEPACS tegaskan kaum, negeri bukan faktor penentu

Oleh Mahani Ishak dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengambilan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam adalah berasaskan merit, kompetensi calon dan minat pemohon tanpa membabitkan sebarang kuota seperti ditetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Malah, perkhidmatan awam juga tidak pernah menetapkan faktor bangsa, kaum, etnik atau negeri sebagai faktor penentu dalam mengambil atau menaikkan pangkat penjawat awam.

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) menegaskan tiada kuota kaum di dalam penilaian pengambilan kakitangan sektor awam.

Bagaimanapun, CUEPACS akui sambutan daripada kaum bukan Bumiputera untuk menyertai sektor awam dilihat kurang kerana mereka berpandangan gaji kerajaan lebih rendah berbanding jika bekerja di sektor swasta, bidang lain atau berniaga.

Presiden PPTD, Datuk Isham Ishak, berkata pengambilan kakitangan awam ketika ini adalah berdasarkan merit dan minat pemohon untuk menyertai perkhidmatan awam.

“Sektor awam di negara ini adalah terbuka kepada semua yang berminat untuk menyertainya.

“Paling penting mereka perlu memohon melalui Suruhanjaya

Pengambilan kakitangan berdasarkan merit dan minat pemohon untuk menyertai perkhidmatan awam. (Foto hiasan)

Perkhidmatan Awam (SPA) dan mengambil peperiksaan serta berjaya sebelum diterima masuk ke sektor awam,” katanya kepada BH.

Isham berkata, sistem pentadbiran awam negara ketika ini adalah sangat kompeten dan profesional.

“Perkara itu jelas terbukti sepanjang lima tahun yang lalu, walaupun terdapat pertukaran kerajaan dan negara berdepan dengan wabak COVID-19, namun pentadbiran negara terus berjalan dengan baik.

“Pentadbiran awam juga sentiasa terbuka kepada kritikan dan komen yang diterima serta sentiasa komited untuk mempertingkatkan sistem penyampaian yang lebih baik untuk masa depan negara,” katanya.

Beliau berkata, paling penting adalah semangat hormat menghormati antara satu sama lain diamalkan bagi menjamin keharmonian rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat juga menegaskan perkhidmatan awam selama ini tidak pernah menetapkan kuota bangsa, kaum, etnik atau negeri sebagai faktor dalam pengambilan dan kenaikan pangkat penjawat awam.

Sebaliknya, beliau berkata, kebanyakannya yang menyertai perkhidmatan awam bergantung kepada kehendak, minat dan kecenderungan individu itu sendiri.

“Permohonan pula terbuka kepada semua bangsa dan agama. Tanpa membuat permohonan melalui SPA, bagaimana boleh menyertai perkhidmatan awam.

“Ketika ini sambutan daripada kaum bukan Bumiputera untuk menyertai perkhidmatan awam dilihat kurang kerana mereka berpandangan gaji rendah berbanding jika bekerja di sektor swasta, bidang lain atau berniaga,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kenyataan undang kritikan

Mereka mengulas kenyataan Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, P Ramasamy yang didakwa berkata, Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu melakukan reformasi dalam sektor perkhidmatan awam supaya ia tidak lagi hanya didominasi satu kaum.

Kenyataan itu mengundang pelbagai kritikan, baik daripada parti kerajaan maupun pembangkang dengan Anwar sendiri menegaskan kerajaan tidak akan

mengikuti saranan dibuat Ramasamy.

Adnan berkata, CUEPACS memandang serius kenyataan Ramasamy dan cukup terkilan apabila wakil rakyat membuat kejayaan terbuka tanpa mendapatkan maklumat yang tepat daripada kerajaan mengenai situasi sebenar dalam perkhidmatan awam.

“Beliau wakil rakyat part yang membentuk kerajaan ketika ini. Kenyataannya mengenai dasar berasaskan kaum dalam pengambilan dan kenaikan pangkat penjawat awam adalah satutudahan yang berat dan tidak benar.

“Sebagai wakil rakyat, beliau sepatutnya memberi kesedara kepada rakyat mengenai peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam supaya pelbagai kaum berminat menyertainya,” katanya.

Adnan juga berkata, kebanyakannya mereka yang menyertai perkhidmatan awam terutama di sektor keselamatan dan pertahanan adalah disebabkan faktor patriotik dan cintakan negara.

“Disebabkan faktor ini juga penjawat awam sentiasa neutrik dalam mencerahkan bakti pada negara dan rakyat tanpa mengambil kira bangsa sesiapa itu,” katanya.

TAJUK: PELIHARA PEGANGAN AKIDAH MOHON HANYA PADA ALLAH

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 13/02/2023

Harian Metro | Isnin 13.02.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

PELIHARA PEGANGAN AKIDAH

Mohon hanya pada AllahBersama
Mohd Shahrizal
Nasir

Setiap manusia pernah berhadapan dengan kesusahan dan kesempitan hidup. Apabila ditimba sesuatu musibah, ada dalam kalangan manusia yang merasakan hidup sudah menghampiri pengakhirannya. Seolah-olah tiada lagi jalan keluar untuk kembali menjalani kehidupan yang bahagia. Pada situasi yang lain, manusia berhajat untuk memenuhi keinginan hati dan nafsunya.


Kesemua situasi yang dinyatakan ini mengundang kepada usaha untuk memenuhi keinginan diri dengan jalan pantas. Siapa yang tidak mahu hidup bahagia? Siapa yang tidak mahu hidup yang bebas daripada masalah? Siapa yang tidak mahu keinginannya tercapai dengan sekilap mata?

Tanpa iman yang teguh, maka usaha mencapai keinginan hati itu akan disulami dengan perkara-perkara khurafat. Ditambah pula dengan suasana setempat yang menggalakkan berlakunya perkara khurafat yang merosakkan iman terhadap kekuasaan dan kehebatan Allah SWT.

Tabiat berjumpa bomoh untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dan untuk memenuhi hajat di hati masih berlaku dalam kehidupan masyarakat kita. Meskipun dunia semakin canggih dengan teknologi perubatan, namun kelihatannya fenomena berjumpa bomoh untuk tujuan sembuh daripada penyakit masih berlaku.

Sebenarnya hal ini berbalik kepada soal keimanan kita kepada Allah SWT. Hakikatnya, tiada satu doa permohonan yang terlepas daripada perhatian Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Dan apabila para hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul." (Surah al-Baqarah, ayat 186)

Selain itu, ada dalam kalangan manusia yang menemui bomoh untuk menilik masa depannya. Mereka berharap untuk terus mendapat tuah dalam hidup. Golongan seperti ini percaya



BERDOALAH kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan bahawa doa kita akan diterima oleh-Nya.

secara buta terhadap perkhabaran masa depannya berdasarkan kata-kata tukang tilik yang hakikatnya tidak mengetahui keadaan masa depannya sendiri.

Sesungguhnya apa sahaja perkhabaran masa depan yang dikhaskan oleh manusia selain daripada para nabi dan rasul yang menerima wahyu, ia adalah dusta meskipun perkhabaran itu benar-benar berlaku. Saidatina 'Aisyah pernah bertanya kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib lazimnya mengkhabarakan kami dengan sesuatu, kemudian kami dapat ia adalah benar!" Rasulullah menjawab: "Ia adalah kalimah (perkara) benar yang diambil oleh jin lalu dibisikkan kepada telinga pengikutnya, kemudian dibuat tambahan padanya dengan seratus kedustaan." (Hadis riwayat Muslim)

Berwaspadalah terhadap setiap ramalan nasib baik dan buruk bagi kehidupan masa depan. Begitu juga dengan firasat berkenaan bulan kelahiran, tahun kelahiran, tanda pada tubuh badan, semuanya merupakan perbuatan khurafat yang menjaskan iman. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja." (Surah al-An'am, ayat 59)

Rasulullah SAW memberi amaran kepada umatnya yang mengunjungi bomoh dan tukang tilik nasib dalam sabdanya yang bermaksud: "Sesiapa yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dan bertanya kepada dia sesuatu, maka tidak akan

nama-nama yang baik, maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu." (Surah al-Araf, ayat 180)

Sesungguhnya bergantung harap kepada sesama manusia pada jalan yang dilarang oleh Allah SWT merupakan perbuatan yang mengundang dosa syirik. Iaitu dosa yang tidak diampunkan oleh Allah SWT. "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik dan Dia mengampuni segala dosa yang selain daripada (syirik) itu, bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesiapa yang mempersekitukan Allah, maka sungguh dia telah berbuat dosa yang besar." (Surah an-Nisa', ayat 48)

Sekarang kita telah berada pada era yang kemajuan teknologi tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan. Pelbagai ikhtiar boleh diusahakan dengan pemanfaatan teknologi tanpa perlu terjebak dalam dosa syirik menyekutukan Allah SWT menerusi perbuatan khurafat. Dalam aspek perubatan contohnya, pelbagai kajian telah menemui penawar bagi penyakit yang dihadapi oleh manusia. Ikhtiar untuk menemui doktor dan pakar perubatan jika berdepan dengan masalah kesihatan dapat menyekat diri daripada terlibat dengan perbuatan khurafat yang mengundang kemurkaan Allah SWT. Usaha doktor perubatan perlu dilihat sebagai satu ikhtiar kerana yang memberi kesembuhan hanyalah Allah SWT.

Pada masa sama, umat Islam perlu meyakinkan diri bahawa ayat-ayat suci al-Quran boleh dijadikan ikhtiar untuk mendapat kesembuhan daripada penyakit dengan izin Allah SWT. Keyakinan terhadap ayat-ayat al-Quran ini juga boleh menjadi benteng untuk menyelamatkan diri daripada terjebak dengan dosa syirik.

Rasulullah SAW pernah masuk ke dalam rumah Saidatina 'Aisyah lalu mendapati ada wanita sedang merawat 'Aisyah. Lalu Nabi SAW bersabda: "Sembuhkanlah dia dengan al-Qur'an." (Hadis riwayat Ibnu Hibban)

Marilah sama-sama kita menjaga diri dan pegangan akidah dengan meninggalkan perbuatan-perbuatan khurafat yang boleh mengundang dosa syirik. Usah bergantung harap kepada orang lain untuk menjaga akidah kita, sebaliknya berusaha sendiri untuk melindungi pegangan akidah dengan ilmu yang benar dan panduan syarak.

Penulis Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)

Marilah sama-sama kita menjaga diri dan pegangan akidah dengan meninggalkan perbuatan-perbuatan khurafat yang boleh mengundang dosa syirik



AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka; apabila engkau melihat anak-anak muda itu, nescaya engkau menyangkanya mutiar yang bertaburan."

(Surah al-Insaan, ayat 19)

"Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka; apabila engkau melihat anak-anak muda itu, nescaya engkau menyangkanya mutiar yang bertaburan."

(Surah al-Insaan, ayat 19)

TAJUK: LAHIR MAHASISWA KALIS REMPUHAN GLOBALISASI

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 19

TARIKH : 13/02/2023

Lahir mahasiswa kalis rempuhan globalisasi

SAUDARA PENGARANG,

KETIDAKTENTUAN ekonomi, rempuhan globalisasi, persaingan mutakhir dan wabak pandemik menuntut pemimpin-pemimpin institusi pengajian tinggi (IPT) negara lebih proaktif dan mengukur semula pelan pembangunan mahasiswa yang ampuh, holistik dan relevan.

Berteraskan matlamat pendidikan negara Melahirkan Graduan Bitara Yang Holistik, Ihsan, Patriotisme dan Berdaya Tahan, program pemerksaan mahasiswa secara holistik akan melahirkan graduan tahan lasak dan kalis rempuhan cabaran globalisasi.

Seruan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam perutusan tahun baharunya baru-baru ini adalah untuk membentuk mahasiswa dengan kemahiran pintar dan rajam serta bukan lagi kemahiran insaniah (KI) dan amali bertujuan melengkapi mahasiswa dengan kemampuan mengurus basukan dan menganalisis data untuk penyelesaian masalah.

Sudah tentulah dalam pemerksaan mahasiswa holistik yang kalis rempuhan globalisasi dan persaingan mutakhir, universiti harus membangunkan instrumen dan mengukur program pembangunan karakter yang lebih komprehensif kepada KI terutama pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, keusahawanan, etika moral dan profesional serta kemahiran kepimpinan.

Walaupun KI telah mula diterapkan oleh universiti-universiti hampir sedekad lalu, penguasaan KI perlu diperkuuhkan dengan domain kognitif, afektif, psikomotor dan tujuh sifat lain iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keusahawanan, etika dan nilai profesional serta kemahiran kepimpinan.

Instrumen untuk mengukur KI di universiti inilah yang merupakan kemahiran pintar untuk melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing, mahasiswa berpersonaliti unggul, berfikiran kritis dan berfikir secara tuntas.

Pembentukan kemahiran tajam mahasiswa dengan menganalisis data melalui aplikasi secara berkesan, kritis dan analitikal dari cerakinan pelbagai sumber

maklumat bagi menyelesaikan masalah juga mampu mengenal pasti kemahiran baharu untuk mahasiswa yang sedang dan akan berkembang serta bakal terpinggir.

Selain itu, pengurusan aktiviti dan pembangunan pelajar perlu menilai semula pendekatan realistik dengan menyediakan autonomi pelajar yang lebih meluas dan berkesan, sekali gus meningkatkan inisiatif pemerksaan pelajar yang memanusiakan manusia.

Mohamed Khaled dalam perutusannya menyeru universiti agar memberi lebih banyak kebebasan dan mandat bersetujuan kepada mahasiswa dan kesatuan pelajar untuk memperjuangkan agenda mahasiswa, membuka perniagaan dan menguruskan kewangan persatuan.

Tegurnya bahawa universiti harus menjual kepakaran besar melalui projek rundingan dan bukannya terlibat dalam perniagaan kecil yang layak diserahkan kepada mahasiswa adalah satu sinjal realiti ekosistem pengajian tinggi.

Autonomi mahasiswa akan meningkatkan kematangan mereka, memupuk nilai integriti dan tanggungjawab, meningkatkan inovasi sekali gus mengukuhkan kompetensi kepimpinan yang bakal menjadi aset kepimpinan politik dan ekonomi negara.

Menteri juga menggesa bakat pemimpin pelapis dikenal pasti dalam ekosistem universiti. Dari lingkup mahasiswa, universiti perlu meningkatkan pendedahan dan kesedaran kepada mahasiswa terhadap sistem demokrasi dan ekosistem politik yang matang.

Mengambil contoh di Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak autonomi diberikan pada 2020, pilihan raya mahasiswa diuruskan sepenuhnya oleh pelajar tanpa campur tangan universiti.

Sebagai menyambut baik cadangan menteri, pada tahun ini UPM akan memberikan secara berperingkat autonomi pengurusan kewangan aktiviti pelajar kepada persatuan pelajar.

PROFESOR DR. ARIFIN ABDU

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Putra Malaysia (UPM)



TAJUK: BERI KEFAHAMAN JELAS WACANA KETUHANAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 14/02/2023

Harian Metro | Selasa 14.02.2023

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

BUKU ALLAH MENURUT AL-GHAZALI

Beri kefahaman jelas wacana ketuhanan



Bersama
Dr Mohd Hasrul
Shuhari

enerbit Universiti Malaya (UM) menerbitkan sebuah buku yang berjudul Allah Menurut Al-Ghazali pada 2021. Buku ini berjaya menerima Anugerah Pengajian Tinggi: Buku Islamik Terbaik dalam majlis Anugerah Buku Negara (National Book Award 2022). Ia sempena Persidangan Buku Antarabangsa 2022, Ekspo Buku Malaysia serta Anugerah Buku Negara dan Forum Kelab Penulis pada 22-25 Ogos tahun lalu anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Buku ini juga dicalonkan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi Anugerah Akademik Negara (AAN) Ke-15 untuk Kategori Anugerah Penerbitan Buku anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajaran Tinggi Malaysia.

Buku ini membahaskan wacana ketuhanan al-Quran dan al-Hadis sebagai amanah yang diikuti oleh umat Islam pada zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat dan ulama salaf. Ia disusuli dengan perbahasan mengenai manhaj al-Asha'irah, dalam wacana terbabit yang meneruskan usaha memberi kefahaman kepada umat Islam sepanjang zaman terhadap prinsip-prinsip akidah ketuhanan yang perlu disabitkan kebenarannya dan ditolak aliran yang menyeleweng daripadanya. Penonjolan pemikiran mazhab ini adalah perlu kerana manhaj majoriti atau aliran arus perdana umat Islam (al-sawad al-a'zam) sudah dipertahankan oleh tokoh penghujah umat Islam terkenal, al-Imam al-Ghazali.

Beliau adalah tokoh ulama kalam daripada al-Asha'irah yang mengetengahkan manhaj akidah sederhana (iqtisad) atau pertengahan (wasati) dalam wacana akidah, khususnya dalam tradisi ilmu kalam. Manhaj ini menggabungkan antara pendekatan nakhliah dengan akliah secara harmoni dalam wacana akidah ketuhanan. Dijelaskan juga batasan wacana ilmu kalam dalam pengajaran akidah dan tahap kewajaran pendedahannya kepada masyarakat awam.

Buku ini turut memfokuskan perbahasan zat, sifat-sifat,

perbuatan dan nama-nama bagi Allah SWT berdasarkan pandangan al-Ghazali di samping ulama muktabar yang lain. Ia berkaitan rapat dengan tuntutan penting dalam kalimah tauhid iaitu *la ilah illa Allah* yang merupakan salah satu rukun penting dalam Rukun Islam dan Rukun Iman berdasarkan pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Selain itu, antara kelainan yang ada dalam buku ini adalah dijelaskan pengaruh pemikiran akidah dan akhlak yang merupakan kesan daripada penghayatan terhadap prinsip-prinsip keimanan menurut huraian al-Ghazali kepada ulama Melayu seperti yang dapat diperhatikan dalam karya mereka seperti kitab al-Durr al-Nafis karangan Muhammad Nafis ibn Idris al-Banjari, Sayr al-Salikin dan Hidayah al-Salikin karangan Abd al-Samad al-Falimbani, Minhaj al-Abidin karangan berupa terjemahan oleh Dawud al-Fatani dan Thamarat al-Muhimmah karangan Raja 'Ali Haji. Perkara ini kurang didekahkan kepada masyarakat, justeru buku ini berperanan secara signifikan berkaitan perkara ini.

Buku ini sesuai untuk tatapan dan rujukan pihak pemerintah (ulil amri), ilmuwan dan cendekiawan, pengkaji, guru, pelajar dan masyarakat awam yang berminat untuk mengkaji wacana ketuhanan yang boleh mencerahkan kefahaman mereka terhadap Allah SWT menurut huraian al-Ghazali. Justeru, buku ini wajar dijadikan rujukan khususnya bagi membantu kefahaman seseorang terhadap wacana ketuhanan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran al-Asha'irah yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di Malaysia khususnya dan rantau Nusantara umumnya.

Ia selari dengan penegasan berterusan dalam kalangan ulama dan ahli akademik peringkat antarabangsa dan tempatan berkaitan aliran perdana umat Islam ini. Contohnya, pada 25 hingga 27 Ogos 2016, sudah diadakan Muktamar Ahli Sunah Wal Jamaah peringkat antarabangsa di Grozny Cechnya yang turut dihadiri Sheikh al-Azhar Prof Dr Ahmad al-Tayyib. Antara resolusi seminar terbabit ialah berkenaan penegasan definisi Ahli Sunah Wal Jamaah. Resolusi seminar memutuskan bahawa Ahli Sunah Wal Jamaah berkaitan akidah



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

"Dan apabila engkau melihat di sana (dalam Syurga itu), engkau melihat nikmat yang melimpah-limpah dan kerajaan yang besar (yang tidak ada bandingannya)." (Surah al-Insaan, ayat 20)

adalah golongan al-Asha'irah, al-Maturidiyyah dan Ahli Hadis al-Mufawwidah.

Selain itu, Seminar Akidah dan Pemikiran Islam Peringkat Antarabangsa 2021 (SAPIA 2021) bertemakan Akidah Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ) Melestarikan Keharmonian Masyarakat dianjurkan Pusat Pengajian Usuluddin Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu dengan kerjasama Universitas Islam Negeri Kiyai Haji Achmad Siddiq (UIN KHAS), Jember Indonesia dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Antara resolusi seminar itu adalah penegasan bahawa akidah Ahli Sunah Wal Jamaah merupakan pegangan majoriti umat Islam berdasarkan manhaj al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.

Perkara ini ditegaskan lagi menerusi resolusi Seminar Ahli Sunah Wal Jamaah: Manhaj Akidah Majoriti Ahli Hadis yang dianjurkan pada 4 Jun tahun lalu oleh Persatuan Mahasiswa

»INFO

Buku ini membahaskan wacana ketuhanan al-Quran dan al-Hadis, sebagaimana yang diikuti oleh umat Islam pada zaman Rasulullah SAW, zaman para sahabat dan ulama salaf

Buku ini sesuai untuk tatapan dan rujukan pihak pemerintah (ulil amri), ilmuwan dan cendekiawan, pengkaji, guru, pelajar dan masyarakat awam yang berminat untuk mengkaji wacana ketuhanan

Usuluddin (PMUS) Universiti Sultan Zainal Abidin, antaranya:

a) Penegasan bahawa keseluruhan ulama bermazhab Shafie, Maliki dan Hanafi mengikuti akidah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah melainkan sebilangan kecil yang terpengaruh dengan akidah Muktazilah atau Hashwiyyah (Mujassimah) manakala ulama bermazhab Hanbali terbahagi kepada dua iaitu kumpulan yang akidah mereka menepati jumur dan kumpulan yang membawa akidah Hashwiyyah.

b) Penegasan bahawa majoriti ulama Melayu mewarisi turath Ahli Sunah Wal Jamaah menerusi mazhab akidah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah di samping meraikan aliran ahli hadis Mufawwidah serta mazhab fekah Shafie di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.

c) Penegasan di samping Asya'irah dan Maturidiyyah, bahawa golongan Athariyyah (iaitu ahli hadis atau Hanabilah Mufawwidah) turut diterima dalam lingkungan Ahli Sunah Wal Jamaah kerana kejelasan metodologi mereka dalam memahami nas-nas mutashabihat. Manakala ahli hadis yang tidak berpegang dengan salah satu daripada tiga aliran ini tidak dianggap sebagai mengikut fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah seperti golongan Mujassimah, Mushabbihah, Hanabilah Hashwiyyah dan Salafi Jihadi.

Semoga buku 'Allah Menurut Al-Ghazali' ini dapat memberi kefahaman dalam kalangan masyarakat mengenai akidah Ahli Sunah Wal Jamaah yang sebenar selari dengan pandangan majoriti ulama dan cendekiawan Islam di seluruh pelosok dunia termasuk Malaysia.

Buku ini juga menerima Anugerah Pengajian Tinggi: Buku Islamik Terbaik dalam majlis Anugerah Buku Negara (National Book Award 2022) sempena Persidangan Buku Antarabangsa 2022, Ekspo Buku Malaysia serta Anugerah Buku Negara dan Forum Kelab Penulis pada 22 hingga 25 Ogos tahun lalu anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penulis Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: RADIO MAMPU JADI MEDIUM SEBAR ANTIRASUAH

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 25

TARIKH : 17/02/2023

SINAR HARIAN • JUMAAT, 17 FEBRUARI 2023

NASIONAL | 25

SINAR HARIAN JUMAAT 17/2/2023 NO 25

Radio mampu jadi medium sebar antirasuah

PORT DICKSON - Radio mampu menjadi salah satu medium menyebarkan mesej antirasuah kepada masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk M a l a y s i a (#RasuhBusters), Nurhayati Nordin berkata, alat penyampaian maklumat itu sepatutnya digunakan se-maksimum mungkin seperti mana peranannya suatu masa dahulu yang menjadi alat komunikasi utama kepada rakyat.

"Jadi hari ini saya rasa kita perlu perhatikan semula fungsi radio ini yang boleh jadi medium penyampaian maklumat yang tepat dan berkesan sekali gus



NURHAYATI



ISHAK

mampu memberi perubahan kepada negara.

"Oleh sebab itu, penting untuk semua stesen radio menambah nilai isi kandungan sedia ada dengan diselitkan kempen kesedaran, soal integriti governans dan antikorupsi," katanya pada Sambutan Hari Radio Sedunia 2023 di Politeknik Port Dickson di sini pada Rabu.

Menurut Nurhayati, mesej-mesej itu boleh disampaikan secara santai supaya ia lebih mudah diingati dan dekat dengan masyarakat. "Saya tak kata stesen radio yang ada ini tidak mainkan peranan tapi mengharapkan lebih daripada itu kerana penyampai-



Warga Politeknik Port Dickson menyatakan sokongan kepada Rasuh Busters.

an mesej di radio masih relevan pada kumpulan tertentu.

"Apabila kita gunakan segala sumber komunikasi yang ada untuk sampaikan maklumat, kita boleh membina sistem sokongan yang kuat yang mana peranan ini bukan saja perlu dimainkan oleh stesen radio kerajaan semata-mata, tetapi semua," katanya. Sementara itu, Pengarah

Politeknik Port Dickson, Dr Ishak Mohamad berkata, pentingnya para pelajar diberi pengetahuan soal definisi rasuh sejak awal supaya mereka lebih memahami.

Katanya, di institusi pendidikan juga boleh berlakunya rasuh yang melibatkan para pelajar dan pensyarah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Babit-babit rasuh itu boleh berlaku apabila adanya ruang. Misalnya jika nak markah lebih,

pelajar diminta jumpa pensyarah. Jadi definisi rasuh itu perlu jelas kepada pelajar supaya apabila mereka masuk dalam pekerjaan nanti, mereka tak terjebak," ujarnya.

Malah beliau turut menganjurkan semua pihak khususnya warga Politeknik Port Dickson supaya segera tarik diri sekiranya ada yang terlibat dengan perbuatan rasuh sebelum ditangkap.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: 5 FORMULA PULIHKA KEPERCAYAAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 25/02/2023

BH Sabtu, 25 Februari 2023

Komentar

11

5 formula pulihkan kepercayaan pendidikan tinggi negara



Oleh Prof Madya Dr Afandi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Jabatan Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Jika baju kalis peluru dirujuk untuk menggambarkan keupayaannya mencegah peluru menembusinya, sejauh manakah pendidikan tinggi hari ini teguh menangkis 'serangan' pergolakan, ketidakpastian, kompleks dan kekaburuan (VUCA) sukar diramal impaknya.

Ketika ini, ada pihak cenderung berbangga 'liga penarafan' semata-mata dengan melihatnya sebagai pengkomersialan pendidikan, terkini penyunting dan penerbit jurnal berdebat mengenai teknologi ChatGPT, CHAT Generative Pretrained Transformer.

Kemunculan teknologi berkenaan membualkan kebimbangan terhadap keperluan dasar tuntas apabila perisian kecerdasan buatan (AI) oleh syarikat OpenAI muncul antara penulis dalam beberapa artikel sudah dan bakal diterbitkan.

Sebagai tonggak negara bangsa, pendidikan tinggi memikul beban pembuktian hebat. Tekanannya begitu jelas apabila Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerusi prolog amanatnya dengan tegas berbicara perihal memulih dan mengembalikan kepercayaan pendidikan tinggi negara.

Mengapa agaknya soal kepercayaan ingin dirungkai? Pasti ada puncanya. Justeru, bagi mengembalikan elemen 'kepercayaan' ke tempat sepatutnya, mungkin ia memerlukan formula khas untuk dilaksana warga keluarga pendidikan tinggi.

Pertama, sinergi. Memimpin perubahan pendidikan tinggi memerlukan sinergi pada semua peringkat. Contohnya, tahap kerjasama antara lembaga pengarah universiti (LPU), jawatan kuasa ek-

sekutif (JKE), senat, kesatuan staf dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), bersama keseluruhan warga staf dan pelajar mesti dinilai secara telus.

Tindakan memulih dan mengembalikan kepercayaan mesti bermula dari dalam institusi. Hubungan inklusif semua peringkat perlu disuburkan menerusi pelbagai mekanisme. Kepemimpinan berkaitan tindakan, bukan hanya kedudukan. Mengurus universiti tidak boleh dilakukan hanya menerusi sekeping pekeliling atau menggunakan frasa 'ini arahan orang atas, ikut sahaja.'

Bekerja dalam keadaan merugikan

Kedua, struktur. Dengan jangkaan terhadap pendidikan tinggi semakin mencabar, bekerja dalam keadaan silo amat merugikan. Contohnya, masih relevankah mengurus universiti menerusi portfolio utama seperti 'akademik dan antarabangsa', 'hal ehwal pelajar dan alumni' serta 'penyelidikan dan inovasi'?

Pastinya dikotomi tradisi ini dikatakan memudahkan pengurusan, namun cabaran agenda kejadian mahasiswa sebenarnya harus diurus secara inklusif. Seorang pelajar berkualiti bukan hanya dibentuk menerusi hebatnya sistem fakulti, malah fungsi kolej kediaman dan kegiatan kesukarelawanan, keusahawanan dan sukan tidak boleh diketepikan kerana semuanya saling melengkap.

Ketiga, sistem. The Global Risks Report 2022 menjelaskan kecelaruan global dalam tempoh 10 tahun mendatang akan lebih menggusarkan. Ketidaktentuan ini memerlukan negara menyediakan modal insan bukan lagi hanya untuk pasaran kerja, malah menjadi 'ejen perubahan' kalis terhadap ancaman ekonomi global, persekitaran, geopolitik, kemasyarakatan dan teknologi.

Justeru, mampukah sistem pendidikan tinggi masih taasub kepada pensyarah

dan peperiksaan, mengukur kecemerlangan dengan berapa banyak gred A diperoleh atau penawaran program pengajian tanpa tawaran jualan unik (USP), mampukah pendidikan tinggi menjadi impian mengujakan.

Keempat, strategik. Impian mengangkat pendidikan tinggi memerlukan pemimpin bukan hanya kelihatan sibuk merasmikan majlis atau ingin dihormati kerana posisinya atau pemimpin mengisi bangku jawatan demi manfaat peribadi diperlukan ialah wira nakhoda pelayaran penuh hikmah menjunjung integriti dan dedikasi.

Kelima, sejahtera. Pendidikan tinggi mesti membentuk ekosistem kampus sejahtera berpaksikan ihsan. Pelajar mesti dididik dengan kasih sayang. Jika ingin melahirkan pelajar mandiri segenap segi, mustahil dapat dihasilkan menerusi ekosistem tidak saling melengkap. Pembangunan bakat dan pengiktirafan kepada semua warga institusi hendaklah diperhalusi.



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PELAJAR INDUSTRI WAJAR DIBAYAR ELAUN SETIMPAL, INSURANS

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 25/02/2023

Pelajar industri wajar dibayar elaun setimpal, insurans

BERITA HARIAN 25/2/2023 MS 11

Oleh Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari
bhrenanca@bh.com.my



Penganalisis Ekonomi merangkap Ketua Ekonomi di Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA)

Cadangan mewajibkan pemberian elaun latihan industri dalam sektor swasta di negara ini perlu diberi hala tuju kerana ia antara intervensi awal penyediaan bakal pekerja memasuki pasaran buruh.

Jika program latihan industri baik dilaksanakan dengan sokongan swasta dan kerajaan, ia dapat membantu memperbaikkan sebahagian masalah struktur dalam pasaran buruh, terutama isu ketidakpadanan pekerjaan dan jurang kemahiran.

Latihan industri ialah program prapekerjaan diperkenal bagi memberi pendekatan kepada pelajar dengan persekitaran pekerjaan, selain dapat mempraktikkan kemahiran ditimba di institusi pengajian tinggi (IPT).

Tinjauan penyelidik di Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) mendapati latihan industri berkesan kepada sebahagian pelajar dalam membantu mendapatkan pekerjaan sepadan kelayakan. Saban tahun bilangan pelajar IPT menyertai latihan industri mele过asi 200,000 individu, sekali gus jumlahnya besar untuk dimanfaatkan industri dalam menyokong keperluan tenaga kerja.

Umpamanya, pengambilan latihan industri ber-

terusan dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing jika program latihan industri distrukturnya bersepada. Isu kekurangan pekerja di industri juga dapat dikurangkan dengan memanfaat ketersediaan pelajar latihan industri. Jika bersandarkan manfaat latihan industri kepada swasta, maka pemberian elaun atau gaji khusus wajar diberikan kepada pelajar menjalani latihan industri.

Bagaimanapun, sebelum menetapkan peraturan pembayaran elaun atau gaji, struktur latihan industri dan keberkesanannya wajar disemak untuk memastikan latihan industri memberi manfaat kepada majikan supaya menjadi asas pembayaran elaun atau gaji.

Tinjauan EU-ERA mendapati 90 peratus graduan menamatkan program latihan industri, tetapi kurang separuh daripada mereka memperoleh pekerjaan dalam kategori berkemahiran tinggi. Melihat bidang pengajian, graduan bidang seni, sains sosial dan pendidikan mempunyai peluang lebih rendah mendapatkan tempat dalam pekerjaan berkemahiran tinggi.

Berdasarkan pemerhatian, tempoh program latihan industri memberi impak kepada keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan berkemahiran tinggi dengan graduan menamatkan program latihan lebih lama mempunyai peluang tiga peratus lebih tinggi. Walaupun latihan industri tidak men-

jamin gaji tinggi, graduan mempunyai peluang lebih baik memperoleh gaji tinggi jika menjalani latihan industri.

Justeru, pembaharuan dan perubahan struktur latihan industri perlu dilaksanakan kerajaan. Kaedah dan pelaksanaan sedia ada perlu diubah sesuai tuntutan pasaran buruh, sekali gus menjadikannya satu program intervensi dapat menyokong pertumbuhan ekonomi. Keberkesanannya program latihan industri perlu dilaksanakan berkala agar intervensi dasar bersesuaian dapat dilaksanakan.

Negara memerlukan anjakan dasar latihan industri dapat menyokong pertumbuhan ekonomi, bukan sekadar melengkapkan keperluan program pengajian. Program latihan industri lebih berstruktur dan memenuhi keperluan tenaga kerja semasa industri diperlukan ketika ini.

Apabila latihan industri dapat memenuhi tunutan tenaga kerja industri, ia memberi kewajaran kepada pembayaran elaun atau gaji bulanan. Jika tempoh latihan industri menjangkaui enam bulan, pelajar wajar dibayar elaun setimpal, liputan insurans dan keselamatan sosial.

Oleh itu, kadar minimum elaun latihan industri wajar diperkenal. Perubahan dan pembaharuan latihan industri juga akan membabitkan perubahan peraturan dan perundangan sedia ada untuk memperkemas dan memperkasa program latihan industri.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SEKTOR PENDIDIKAN TERUS TERIMA DANA TERTINGGI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 07

TARIKH : 25/02/2023

BH Sabtu, 25 Februari 2023

Nasional

Sektor pendidikan terus terima dana tertinggi

BERITA HARIAN
M 87
25/2/2023



Dana Rancangan Makanan Tambahan ditambah kepada RM777 juta tahun ini. (Foto hiasan)

Perbelanjaan termasuk untuk bina tujuh sekolah baharu

Belanjawan 2023
MALAYSIA MADANI

Kuala Lumpur: Bidang pendidikan mendapat dana tertinggi, iaitu RM55.2 bilion untuk Kementerian Pendidikan, manakala Kementerian Pendidikan Tinggi menerima RM15.3 bilion.

Sekolah daif juga akan segera dibaik pulih menerusi peruntukan RM1.2 bilion, dana yang dikongsi untuk membaik pulih klinik daif.

Peruntukan RM55.2 bilion untuk Kementerian Pendidikan naik sedikit berbanding RM52.6 bilion tahun lalu.

Sebanyak RM2.3 bilion di-

khususkan untuk memastikan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran terbaik untuk kanak-kanak.

Ini meliputi naik taraf bangunan dan infrastruktur di 380 sekolah daif, khususnya di Sabah dan Sarawak melalui kaedah perolehan khas untuk mempercepat kelulusan.

Selenggara kemudahan

Dana itu juga membabitkan kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah seperti pembaikan tandas, pendawaian dan saliran sekolah serta menggantikan perabot dan peralatan asrama dan kelas yang uzur.

"Sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas akan dilengkappkan dengan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU)."

"Kerajaan juga akan memberi dewan terbuka bagi menyediakan keselesaan untuk anak-anak berhimpun," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebanyak tujuh sekolah baharu akan dibina dengan kos RM560 juta, termasuk Sekolah Kebangsaan Paya Dusun di Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Denai Alam di Selangor, SMK Nabalu di Sabah dan SMK Dudong di Sarawak.

Dana Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ditambah daripada RM625 juta kepada RM777 juta tahun ini yang memanfaatkan 700,000 murid.

"Sebagai tambahan, peruntukan untuk Program Makanan

Prasekolah Kementerian Pendidikan ditingkatkan daripada RM89 juta kepada RM108 juta, bagi memberi manfaat kepada lebih 240,000 murid prasekolah," katanya.

Kementerian Pendidikan juga akan membekalkan sekolah dan institusi pendidikan dengan 50,000 komputer riba.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan Tinggi mendapat RM15.3 bilion, berbanding RM14.5 bilion pada 2022.

Sebanyak RM436 juta disediakan untuk membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang di institusi pengajian tinggi awam.

Dana RM428 juta untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), termasuk dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

RM15 juta disediakan kepada MOSTI untuk geran R&D penghasilan vaksin.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: 50 SYARIKAT AMBIL ALIH OPERASI INSTITUSI TVET

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 07

TARIKH : 25/02/2023

50 syarikat ambil alih operasi institusi TVET

BERITA HARIAN 25/2/2023 M^o 7

Sekurang-kurangnya 50 syarikat akan mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), bagi memastikan kemahiran belia memenuhi keperluan industri.

Syarikat peneraju mengendali operasi institusi TVET seperti kolej komuniti, institut latihan perindustrian (ILP) dan institut kemahiran belia negara (IKBN).

PETRONAS akan menerajui kluster minyak dan gas di Pengerang, Johor, Kimanis, Sabah, Batu Rakit, Terengganu dan Miri, Sarawak.

DRB Hicom Bhd bagi kluster automotif di Pekan, Pahang, manakala Kumpulan Sunway bagi kluster perhotelan dan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) bagi kluster pembinaan.

Model yang digunakan Penang Skills Development Centre (PSDC) akan dicontohi untuk menyediakan pekerjaan kepada graduan TVET dengan

gaji lebih tinggi.

"Syarikat seperti Intel, Motorola dan Inari memanfaatkan untuk menganjurkan program latihan berdasarkan keperluan mereka.

"Pembaharuan ini berupaya menggunakan sumber kerajaan dengan lebih efektif bagi penghasilan graduan TVET yang memenuhi keperluan industri," kata Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pembaharuan akan dilaksanakan agar 90 peratus graduan TVET menerima gaji lebih RM2,000 sebulan.

Bagi mengeratkan kerjasama industri, Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) diperkuju dengan peruntukan RM50 juta untuk manfaat lebih 8,000 pelatih.

Program Academy in Factory akan dilaksanakan untuk menyediakan peluang kepada lebih 50,000 pelatih menjalani latihan sambil bekerja, di kilang.

Syarikat berkaitan kerajaan akan menawarkan 35,000 pe-



Pembaharuan dilaksana agar 90 peratus graduan TVET menerima gaji lebih RM2,000 sebulan. (Foto hiasan)

luang kerjaya kepada lepasan sekolah dan graduan bagi membantu menangani pengangguran belia.

Kerajaan juga akan membe-

lanjakan RM45 juta untuk terus menggalakkan sektor swasta melaksanakan penggajian dengan nilai lebih tinggi.

Pertubuhan Keselamatan

Sosial (PERKESO) akan menyediakan insentif RM600,000 sebulan kepada majikan yang menggaji 17,000 graduan, khususnya dalam kalangan TVET.